


1. Puan Tiyah pemilik Perniagaan Pakaian Tiya telah mengambil dua pasang baju Melayu untuk menghadiri majlis konvokesyen anaknya.

Urus niaga tersebut direkod sebagai ambilan dalam buku perniagaannya.

Apakah konsep yang digunakan?

- A** Ketekalan
- B** Prinsip kos
- C** Entiti berasingan
- D** Usaha berterusan

2. Rajah berikut menunjukkan pengelasan aset



Apakah **P**?

- A** Inventori, Overdraf dan Tunai
- B** Akaun belum terima, Overdraf dan Tunai
- C** Inventori, Tunai dan Hasil belum terperoleh
- D** Akaun belum terima, Tunai dan Hasil belum terima

3. Apakah item yang menambahkan kos belian?

- I** Pulangan belian
- II** Angkutan masuk
- III** Diskaun diterima
- IV** Insurans atas belian
- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

4. Antara yang berikut, manakah sebab makluman kredit dikeluarkan?

- I** Faedah simpanan tetap
- II** Dividen atas pelaburan
- III** Faedah atas overdraf
- IV** Caj bank
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

5. Pasangan manakah yang betul untuk merekod urus niaga dalam buku catatan pertama?

	Urus niaga	Buku Catatan Pertama
A	Terima invois kerana pembelian perabot kedai	Jurnal am
B	Keluar nota kredit kerana harga barang niaga terkurang caj dalam invois	Jurnal Belian
C	Terima nota kredit kerana pemulangan barang niaga rosak	Jurnal Pulangan Jualan
D	Terima invois daripada pembekal barang niaga	Jurnal Jualan

6. Pernyataan yang manakah benar tentang peraturan merekod urus niaga ke dalam lejar?

- A Aset didebitkan apabila berkurang
- B Hasil dikreditkan apabila bertambah
- C Liabiliti didebitkan apabila bertambah
- D Ekuiti pemilik dikreditkan apabila berkurang

7. Urus niaga berikut berlaku dalam perniagaan Mona Enterprise.

Jualan barang niaga RM500 kepada Kedai Ina

Apakah catatan bergu untuk urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Kedai Ina	Mona Enterprise
B	Mona Enterprise	Kedai Ina
C	Kedai Ina	Jualan
D	Jualan	Kedai Ina

PPC 2026 - P.PINANG

8. Dokumen berikut diambil daripada Kedai Bunga Siti

MEMO Kedai Perabot Siti No. 12 Jalan Semarak 2 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang		Tarikh: 25 Julai 2026
Peringatan: Pemilik mengeluarkan 10 kerusi bernilai RM300 untuk didermakan kepada SMK Sungai Ara.		
<i>Siti</i> _____ Pengurus		

Catatan manakah yang betul?

A		Akaun Ambilan	
	2026	RM	
	Jul. 25 Belian	300	
		Akaun Belian	
		2026	RM
		Jul. 25 Ambilan	300
B		Akaun Derma	
	2026	RM	
	Jul. 25 Belian	300	
		Akaun Belian	
		2026	RM
		Jul. 25 Derma	300
C		Akaun Ambilan	
		2026	RM
		Jul. 25 Belian	300
		Akaun Belian	
	2026	RM	
	Jul. 25 Ambilan	300	
D		Akaun Derma	
		2026	RM
		Jul. 25 Belian	300
		Akaun Belian	
	2026	RM	
	Jul. 25 Derma	300	

PPC 2026 - P.PINANG

9. Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Serbaneka Abdul.

Akaun Kawalan Belum Terima						
2026			2026			
RM			RM			
Dis.	1	Baki b/b	12 987	Dis. 31	Bank	8 980
	31	Diskaun	50		Diskaun	200
					Baki h/b	3 857
			<u>13 037</u>			<u>13 037</u>

Apakah maksud diskaun RM50 yang diberi?

- A** Diskaun diberi oleh Kedai Serbaneka Abdul kepada pelanggan
 - B** Diskaun diterima oleh Kedai Serbaneka Abdul daripada pembekal
 - C** Diskaun diberi yang dibatalkan oleh Kedai Serbaneka Abdul kepada pelanggannya
 - D** Diskaun diterima yang dibatalkan oleh pembekal kepada Kedai Serbaneka Abdul
10. Maklumat berikut diperoleh daripada Faizal Trading.

2025		RM
Januari 1	Baki kredit lejar belian	4 800
Disember 31	Bayaran kepada akaun belum bayar	26 100
	Diskaun diterima	1 450
	Angkutan dikenakan	330
	Baki debit lejar belian	180
	Baki kredit lejar belian	16 660

Berapakah jumlah belian kredit?

- A** RM5 940
 - B** RM38 900
 - C** RM39 260
 - D** RM39 560
11. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

Butir	Debit	Kredit
Kelengkapan	5 500	
Faedah simpanan tetap		450
Y	150	
Gadai janji		40 000

Apakah **Y**?

- A** Angkutan keluar
- B** Pulangan belian
- C** Sewa diterima
- D** Dividen

12. Akaun manakah yang ditutup dengan memindahkan jumlahnya ke Akaun Perdagangan?

- I** Akaun Jualan
- II** Akaun Promosi
- III** Akaun Insurans
- IV** Akaun Angkutan Masuk
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

13. Maklumat yang berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Aisyah Enterprise.

	RM
Inventori	23 400
Akaun Belum Terima	5 360
Lengkapan	24 000
Akaun Belum Bayar	1 800
Overdraf	2 720

Berapakah modal kerja?

- A** RM24 240
- B** RM29 680
- C** RM37 520
- D** RM48 240

14. Apakah yang dimaksudkan komisen belum terperoleh?

- A** Komisen yang belum dibayar pada tempoh perakaunan semasa
- B** Komisen yang belum diterima pada tempoh perakaunan semasa
- C** Komisen yang terlebih bayar awal untuk tempoh perakaunan akan datang
- D** Komisen yang diterima terlebih awal untuk tempoh perakaunan akan datang

15. Padanan manakah yang betul untuk merekod hutang lapuk terpulih?

	Debit	Kredit
A	Bank	Hutang lapuk terpulih
B	Hutang lapuk terpulih	Akaun Belum Terima
C	Bank	Akaun Belum Terima
D	Akaun Belum Terima	Hutang Lapuk Terpulih

PPC 2026 - P.PINANG

16. Perniagaan Su membeli sebuah jentera bernilai RM75 000. Penggunaannya dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap dianggarkan sebanyak RM5 000. Berapakah susut nilai tahunan jentera tersebut?

A RM16 000
B RM14 000
C RM8 000
D RM7 000

17. Pilih padanan yang betul

	Butiran	Komponen
A	Belanja am belum bayar	Aset Semasa
B	Komisen belum terima	Liabiliti Semasa
C	Pengiklanan prabayar	Aset Semasa
D	Sewa belum diperolehi	Aset Semasa

18. Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Thana:

Jualan kepada Mirza tersalah rekod dalam Akaun Miza

Apakah jenis kesilapan tersebut?

A Kesilapan amaun
B Kesilapan komisen
C Kesilapan songsang
D Kesilapan ketinggalan

19. Belian tunai sebanyak RM850 telah direkodkan sebagai RM580. Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A	Belian Tunai	270	270
B	Tunai Belian	270	270
C	Belian Tunai	580	580
D	Tunai Belian	850	850

20. Antara yang berikut, yang manakah nisbah kecekapan?

- I** Nisbah semasa
- II** Pulangan atas modal
- III** Tempoh kutipan hutang
- IV** Kadar pusing ganti inventori
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

21. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Bersatu pada 31 Disember 2025.

	RM
Jualan	486 000
Untung kasar	246 000
Inventori pada 1 Januari 2025	50 000
Inventori pada 31 Disember 2025	70 000

Hitung kadar pusing ganti inventori.

- A** 4 kali
- B** 5 kali
- C** 6 kali
- D** 8 kali

22. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Cempaka Sari.

	2024	2025
Margin untung bersih	45%	15%

Apakah strategi yang boleh dilakukan oleh Perniagaan Cempaka Sari untuk meningkatkan margin untung bersih pada tahun 2026?

- I** Membuat pinjaman bank
- II** Meningkatkan harga jualan
- III** Mengurangkan belanja operasi
- IV** Memendekkan tempoh kredit
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

23. Apakah sistem yang tidak dipatuhi oleh peniaga yang menyimpan rekod tak lengkap?

- A** Sistem Catatan Bergu
- B** Sistem Catatan Tunggal
- C** Sistem Inventori Berkala
- D** Sistem Inventori Berterusan

PPC 2026 - P.PINANG

24. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Suzana yang tidak mengamalkan rekod yang lengkap.

	1 Julai 2025	30 Jun 2026
	RM	RM
Kadar bayaran prabayar	1 800	3 600

Buku Tunai		
		RM
	Kadar bayaran	16 200

Berapakah kadar bayaran yang direkod dalam Akaun Untung Rugi?

- A** RM10 800
- B** RM14 400
- C** RM18 000
- D** RM21 600

25. Maklumat berikut merupakan aspek kawalan dalam pengendalian tunai dalam Syarikat Inazain.

- Kerani A: Urusan menerima dan menyimpan tunai
- Kerani B: Urusan merekodkan tunai
- Kerani C: Urusan meluluskan dan membuat pembayaran tunai

Apakah aspek kawalan tersebut?

- A** Pusingan tugas
- B** Kawalan fizikal
- C** Penetapan tugas
- D** Pengasingan tugas

26. Butir manakah yang menunjukkan penerimaan bank bagi pihak pelanggannya?

- A** Caj bank
- B** Dividen diterima
- C** Premium insurans
- D** Faedah atas overdraf

27. Butir manakah yang direkodkan sebagai penerimaan dalam belanjawan tunai?

- A** Ambilan tunai dari bank untuk kegunaan peribadi
- B** Tunai pemilik yang dilaburkan sebagai modal
- C** Kutipan akaun belum terima
- D** Susut nilai lengkapan

PPC 2026 - P.PINANG

28. Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan STK bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2026.

Jualan bulan Ogos adalah RM30 000. Hasil jualan dijangka meningkat sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya bagi bulan September dan Oktober.

Berapakah jumlah jualan pada bulan Oktober 2026?

- A** RM30 000
 - B** RM33 000
 - C** RM36 000
 - D** RM36 300
29. Jika perniagaan perkongsian tidak membuat Ikatan Perjanjian Perkongsian, bagaimanakah pembahagian untung dan rugi antara pekongsi dikira mengikut Akta Perkongsian 1961?
- A** Dibahagikan secara sama rata
 - B** Dibahagikan mengikut nisbah 1:2
 - C** Dibahagikan mengikut nisbah 2:3
 - D** Dibahagikan mengikut nisbah modal
30. Dayah dan Arifah adalah pekongsi dalam Perkongsian Dafah. Mereka berkongsi untung dan rugi dengan nisbah 2:1. Akaun Pengasingan Untung Rugi di bawah diperolehi daripada buku perkongsian mereka.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026

	RM		RM
Faedah atas modal	6 000	Untung bersih	24 000
Gaji pekongsi	12 000	Faedah atas ambilan	240

Berapakah untung atau rugi setiap pekongsi?

	Dayah	Arifah
A	Rugi RM2 080	Rugi RM4 160
B	Rugi RM4 160	Rugi RM2 080
C	Untung RM4 160	Untung RM2 080
D	Untung RM2 080	Untung RM4 160

31. Apakah butir yang direkodkan di sebelah debit dalam akaun semasa pekongsi?
- A** Gaji pekongsi
 - B** Bonus pekongsi
 - C** Faedah atas modal
 - D** Faedah atas ambilan

32. Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?
- I** Salah seorang pekongsi meninggal dunia
 - II** Perniagaan perkongsian mendapat kerugian
 - III** Seorang pekongsi lewat menjelaskan pinjaman peribadinya
 - IV** Perniagaan perkongsian ditukarkan kepada syarikat berhad
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
33. Perkongsian Ju dan Am telah dibubarkan. Jumlah aset RM56 000 telah direalis sebanyak dengan harga RM50 000. Belanja realisasi RM500 dan liabiliti perkongsian RM2 600.
- Berapakah rugi realisasi ?
- A** RM8 600
 - B** RM6 500
 - C** RM6 000
 - D** RM3 100
34. Encik Rushidi memiliki 10 000 unit syer biasa Syarikat Serba Maju Berhad berharga RM1.00 sesyer. Apakah keistimewaan yang diperoleh Encik Rushidi sebagai pemegang syer berkenaan?
- A** Berpeluang untuk mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan
 - B** Memperoleh dividen pada kadar yang sama setiap tahun
 - C** Berhak menerima tunggakan dividen tahun lepas
 - D** Diberi keutamaan untuk menguruskan syarikat
35. Syarikat C-Hat Berhad, pembekal produk kesihatan telah menerbitkan 800 000 unit 9% syer keutamaan pada harga RM4 sesyer dan 2 000 000 unit syer biasa pada harga RM2 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.
- Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?
- A** RM1.296 juta
 - B** RM4.00 juta
 - C** RM5.60 juta
 - D** RM7.20 juta
36. Apakah sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan?
- A** Yuran masuk
 - B** Yuran keahlian
 - C** Yuran pendaftaran
 - D** Yuran pertandingan

37. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan yuran kelab dan persatuan

Yuran tahun perakaunan lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa

Apakah komponen yuran tersebut?

- A** Yuran lapuk
- B** Yuran semasa
- C** Yuran belum terima
- D** Yuran belum terperoleh

38. Akaun Yuran berikut diambil daripada Kelab Takraw Sungai Batu.

Akaun Yuran					
2025			2025		
		RM			RM
Jan. 1	Yuran belum terima	70	Jan. 1	Yuran belum terperoleh	140
Dis. 31	R	1 060	Dis. 31	S	950
	Yuran belum terperoleh	60		Yuran belum terima	100
		<u>1 190</u>			<u>1 190</u>

Apakah **R** dan **S**?

	R	S
A	Bank	Untung rugi
B	Untung rugi	Bank
C	Bank	Pendapatan dan perbelanjaan
D	Pendapatan dan perbelanjaan	Bank

39. Butir yang manakah merupakan kos buruh langsung Kilang Pakaian July?

- A** Gaji jurujual
- B** Gaji penyelia kilang
- C** Upah operator pengeluaran
- D** Gaji pengawal keselamatan kilang

40. Apakah komponen kos prima?

- I** Upah langsung
- II** Kos bahan langsung
- III** Kadar bayaran kilang
- IV** Susut nilai loji dan mesin
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV